**Publication: Berita Harian, pg 01, 16**
**Date: 25 July 2020**
**Headline: SMU graduate guides madrasah students, volunteering at cancer foundation**

# Siswazah SMU belum dapat kerja, jadi tutor relawan dulu

SEBAGAI siswazah pertama dalam keluarganya, tentu sekali Cik Norullayaley Mohd Ikbal ingin pencapaiannya membanggakan, terutama sekali bagi ibunya yang banyak berkorban.

Meskipun begitu, beliau sedar akan keadaan ekonomi yang tidak begitu baik dan masih kekal positif walaupun belum lagi menerima sebarang tawaran pekerjaan tetap buat masa kini.

Untuk memanfaatkan masa luang yang ada sementara belum bekerja, Cik Norullayaley gembira dapat menyumbang kepada masyarakat menerusi kerja-kerja sukarelawan yang dilakukan.

**Kisah penuh**
– Muka 16



**PENGALAMAN JADI DORONGAN:** Cik Norullayaley mendapati jurusan psikologi yang dipelajarinya di universiti dapat memanfaatkan pengalaman yang dilaluinya bagi menyumbang semula kepada masyarakat. – Foto ihsan NORULLAYALEY MOHD IKBAL

**Publication: Berita Harian, pg 01, 16**
**Date: 25 July 2020**
**Headline: SMU graduate guides madrasah students, volunteering at cancer foundation**

### PENGALAMAN SENDIRI JADI IKTIBAR

"Apa yang saya alami semasa kecil meninggalkan kesan mendalam terhadap diri saya, mujur saya menerima sokongan dari saudara-mara, jiran-jiran dan juga melalui kaunseling di sekolah. Ini turut menyemarakkan lagi semangat saya untuk mendalami bidang ini... dan membantu mereka yang melalui pengalaman sama seperti saya.

### BERSEMANGAT MAHU BANTU MASYARAKAT

Saya memang berminat untuk mendalami kisah-kisah di sebalik masyarakat kita, dan saya harap dapat membangkitkan isu-isu yang boleh membantu dan memudahkan kehidupan anggota masyarakat."

**– Cik Norullayaley Mohd Ikbal yang baru menamatkan pengajiannya di Universiti Pengurusan Singapura (SMU) dalam jurusan Psikologi serta Dasar dan Pengurusan Awam.**



**BERSAMA KELUARGA:** Cik Norullayaley *(paling kiri)*, yang bergambar bersama adiknya Cik Norulhijriah dan ibu mereka, Cik Sarimah Soeradi, akur pengorbanan besar yang dilakukan ibunya bagi membantu beliau menjejakkan kaki ke menara gading. – Foto ihsan NORULLAYALEY MOHD IKBAL

# Siswazah SMU bimbing pelajar madrasah, jadi relawan di yayasan barah


**SITI AISYAH NORDIN**
naisyah@sph.com.sg


KEPRIHATINAN Cik Norullayaley Mohd Ikbal selepas tamat pengajiannya tahun ini sama seperti teman-teman yang lain: Bolehkah beliau mendapat kerja?

Memang inilah soalan yang lazim difikirkan oleh para siswazah, namun kebimbangan ini bertambah berkali ganda dalam keadaan ekonomi suram akibat pandemik Covid-19.

Menurut Cik Norullayaley, lulusan jurusan Psikologi serta Dasar dan Pengurusan Awam dari Universiti Pengurusan Singapura (SMU), beliau telah menghantar resumenya kepada beberapa pertubuhan dalam sektor penjagaan kesihatan dan sektor sosial sejak beberapa bulan lalu, namun masih belum menerima sebarang tawaran.

"Saya masih belum menerima sebarang tawaran pekerjaan buat masa ini, tapi saya tak patah semangat kerana saya faham situasi sekarang tak begitu baik," ujarnya.

Beliau menambah sementara meneruskan pencariannya, beliau akan mengisi masa luangnya dengan menyumbang kepada masyarakat.

Antaranya sebagai sukarelawan bersama Apex Mentors bagi membimbing pelajar madrasah yang bakal menghadapi Peperiksaan Tamat Sekolah Rendah (PSLE).

Selain itu beliau juga menyumbang di Yayasan Barah Kanak-Kanak, juga sebagai sukarelawan.

"Saya cuba kekal positif kerana saya tahu saya sedang berusaha. Ada teman-teman saya yang lain juga mengalami perkara yang sama.

"Ada yang bertuah dan sudah mendapat pekerjaan, ada pula yang cuba bekerja dalam industri yang berbeza daripada apa yang mereka belajar di universiti," katanya.

Cik Norullayaley akui apabila beliau memberitahu keluarga mengenai jurusan pilihannya sebelum memulakan pendidikannya di universiti, mereka agak terkejut.

Sebagai yang pertama dalam kalangan keluarga dan saudara-maranya untuk menjejakkan kaki ke menara gading, ramai yang tertanya mengapa beliau tidak memilih jurusan yang biasanya menentukan kerjaya yang lebih 'lumayan' seperti dalam bidang perniagaan atau undang-undang.

Namun, Cik Norullayaley menerangkan beliau enggan menghabiskan empat tahun di universiti untuk belajar sesuatu yang tidak digemarinya.

"Mereka sebenarnya hanya prihatin mengenai diri saya, tapi saya terangkan kepada mereka bidang psikologi ini sesuatu yang amat dekat di hati saya dan terkait dengan pengalaman diri saya juga," katanya.

Menurut Cik Norullayaley, 23 tahun, ibu bapanya telah berpisah semasa beliau kecil dan sejak itu beliau dan adiknya dibesarkan oleh ibunya.

Apa yang dipelajari dalam jurusan psikologi di universiti dapat dikaitkan dengan pengalaman beliau semasa kecil dan membantunya memahami apa yang dilalui.

"Apa yang saya alami semasa kecil meninggalkan kesan mendalam terhadap diri saya, mujur saya menerima sokongan dari saudara-mara, jiran-jiran dan juga melalui kaunseling di sekolah.

"Ini turut menyemarakkan lagi semangat saya untuk mendalami bidang ini... dan membantu mereka yang melalui pengalaman sama seperti saya," katanya.

Tambahnya, semasa menjalani kerja-kerja kemasyarakatan di sekolah, beliau terdedah kepada golongan yang melalui liku-liku hidup yang lebih mencabar daripada pengalamannya.

"Tidak semua orang bertuah mempunyai sokongan emosi seperti yang telah saya terima, jadi saya ingin menyumbang semula untuk membantu masyarakat," ujarnya sambil menambah bahawa salah satu cara melakukan demikian adalah dengan mendalami dasar awam seperti mana yang dilakukannya semasa pengajiannya di universiti.

Justeru, melalui gabungan dua kursus itu, Psikologi serta Dasar dan Pengurusan Awam, Cik Norullayaley berharap bukan sahaja dapat membantu individu lain tetapi juga memastikan lebih ramai dapat meraih manfaat melalui dasar-dasar yang dibentuk.

Katanya: "Saya memang berminat untuk mendalami kisah-kisah di sebalik masyarakat kita, dan saya harap dapat membangkitkan isu-isu yang boleh membantu dan memudahkan kehidupan anggota masyarakat."